





UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

DASAR PASCA DOKTORAL UKM-SPKP-CRIM-PK04-GP05

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia SPKP	 Normah Dolah Ketua Penolong Pendaftar Kanan / Ketua Jaminan Kualiti	 Prof. Dr. Che Hassan Che Haron Pengarah CRIM
Tarikh : 23/12/2013	Tarikh : 26/12/2013	Tarikh : 30/12/2013

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
01	00	01/01/2014

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen terkawal ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan yang dinyatakan di dalam Rekod Pindaan.

REKOD PINDAAN					
No. Bil	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa

1.0 PERMOHONAN

1.1 Pengenalan

Pelantikan Penyelidik Pasca Doktor memberi peluang yang lebih luas kepada fakulti/pusat/institut untuk membantu penyelidik dalam usaha menggalakkan penerokaan ilmu merentasi sempadan, menyuburkan budaya penyelidikan, menggembleng nic penyelidikan serta melahirkan peneraju R&D dan pemikir yang kritis seiring dengan status UKM sebagai Universiti Penyelidikan.

1.2 Tujuan

- a) Memantapkan rantaian penyelidikan dan memperkasakan kumpulan penyelidikan;
- b) Menggalakkan pembangunan modal insan dan pemindahan teknologi R&D di dalam dan di luar negara;
- c) Meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan bagi menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi dan inovasi yang kreatif.

1.3 Bidang Penyelidikan

Bidang penyelidikan adalah mengikut disiplin atau merentasi disiplin di fakulti/pusat/institut berdasarkan gugusan iaitu gugusan sains dan teknologi; gugusan sains sosial; gugusan sains kesihatan dan perubatan.

1.4 Syarat Kelayakan Permohonan

1.4.1 Kakitangan Akademik UKM

- a) Calon lulus Ijazah Doktor Falsafah, masih dalam tempoh percubaan dan belum disahkan dalam perkhidmatan.
- b) Calon berkhidmat dalam tempoh 3 tahun selepas melapor diri.

1.4.2 Bukan Kakitangan Akademik UKM.

- a) Memiliki ijazah Doktor Falsafah dari Institusi Pengajian Tinggi yang telah diiktiraf oleh Senat UKM.
- b) Lulus pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau klinik panel Universiti.
- c) Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan dalam jurnal terindeks.

2.0 PELANTIKAN

2.1 Kakitangan Akademik UKM

2.1.1 Pelantikan

- (a) Kakitangan Akademik yang telah lulus Ijazah Doktor Falsafah/Kedoktoran dilantik terus dalam Program Pasca Doktor Gred 51.
- (b) Kakitangan Akademik yang telah lulus Ijazah Doktor Falsafah/Kedoktoran dan bercadang untuk menjalankan Program Pasca Doktor di luar negara atau luar UKM perlu memohon ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh pelantikan adalah 1-3 tahun (sehingga disahkan dalam perkhidmatan).

2.1.3 Elaun dan Kemudahan

Elaun dan kemudahan adalah mengikut skim gaji Gred 51.

2.1.4 Bidang Tugas

- a) Menjalankan penyelidikan;
- b) Menghasilkan sekurang-kurangnya 3 penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi (ISI/SCOPUS) dalam tempoh setahun;
- c) Memasukkan nama UKM dalam semua hasil penerbitan dalam tempoh pelantikan;
- d) Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Fakulti/Institut/Pusat.

2.1.5 Pembiayaan Pasca Doktorat

a) Tajaan Luar:

Pembiayaan tertakluk kepada peraturan daripada penaja.

b) Tajaan UKM:

- i. Luar Negara – mengikut kadar yang ditetapkan dibawah peraturan cuti belajar luar negara.
- ii. Dalam Negara – mengikut kadar yang ditetapkan dibawah peraturan cuti belajar dalam negara.

2.2 Bukan Kakitangan Akademik UKM

2.2.1 Proses Permohonan

- a) Borang Permohonan Penyelidik Pasca Doktorat boleh dimuat turun menerusi laman web CRIM di <http://research.ukm.my>. Permohonan skim ini dibuka sepanjang tahun;

- b) Borang permohonan perlu disertakan bersama dokumen berikut :
- i. Salinan Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia) / salinan pasport (Bukan Warganegara);
 - ii. Gambar bersaiz pasport yang terkini;
 - iii. Sijil-sijil akademik (Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / Phd / surat kelulusan senat);
 - iv. Minimum band TOEFL 600 atau IELTS skor keseluruhan minimum 6.5 (akademik) atau mengikut ketetapan fakulti;
 - v. Cadangan Penyelidikan dan Jadual Pelaksanaan (dalam bentuk carta gannt) untuk tempoh lantikan;
 - vi. *Curriculum Vitae*. (Senarai penerbitan-lampirkan muka hadapan penerbitan atau surat pengesahan penerimaan untuk penerbitan);
 - vii. Borang Pemeriksaan Kesihatan yang telah disahkan oleh Doktor Perubatan Hospital Kerajaan atau klinik panel Universiti hendaklah dikemukakan semasa melapor diri.
- c) Semua salinan dokumen yang tersebut di atas mestilah disahkan oleh pihak Universiti atau Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Pejabat Kedutaan (calon bukan warganegara);
- d) Borang permohonan yang lengkap perlu mendapat perakuan daripada Penyelia, disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/ Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat. Borang permohonan yang lengkap dimajukan kepada Pengurusan CRIM;

- e) Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.2.2 Proses Pemilihan

Pemilihan Penyelidik Pasca Doktorat perlu mendapat perakuan daripada Penyelia dengan disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/ Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat.

2.2.3 Tempoh Pelantikan

Pelantikan pertama tidak melebihi 1 tahun. Pelanjutan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada prestasi dan perakuan penyelia dan tempoh pelantikan maksimum 3 tahun. Penilaian Prestasi Penyelidikan yang melibatkan *output* iaitu penerbitan jurnal terindeks akan dibuat setiap 6 bulan.

2.2.4 Elaun Bulanan

- a) Calon bagi lantikan pertama akan menerima elaun bulanan tidak kurang dari RM5,500.00 hingga RM6,000.00 sebulan tertakluk kepada *track-record* penerbitan dan prestasi keseluruhan calon;
- b) Kenaikan elaun boleh dipertimbangkan tertakluk kepada laporan penilaian prestasi oleh Penyelia.

2.2.5 Kemudahan Lain

- a) Cuti rehat selama 25 hari/tahun;
- b) Kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Kesihatan UKM dan HUKM ;
- c) Tambang tiket kapal terbang pergi-balik kelas ekonomi (sekali/tahun) bagi calon bukan warganegara atau

warganegara Malaysia yang bermastautin di luar Negara atau di Sabah dan Sarawak;

- d) Boleh menghadiri seminar/konferens/kursus yang diadakan di dalam negara/luar negara tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan oleh Universiti. Permohonan ini perlu mendapat kelulusan Penyelia/Ketua Projek dan Dekan/Pengarah.

2.2.6 Bidang Tugas

- a) Menjalankan penyelidikan di bawah seliaan penyelia;
- b) Menghasilkan sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan ISI berimpak faktor atau dua (2) penerbitan Quartile 1 (Q1) setahun dan;
- c) Memasukkan nama UKM dalam semua hasil penerbitan dalam tempoh pelantikan;
- d) Tugas-tugas lain yang dikenalpasti oleh Penyelia/Ketua Projek.

2.2.7 Pembiayaan Penyelidikan

Penyelidik Pasca Doktorat bukan kakitangan akademik UKM digalakkan memohon Geran Penyelidikan di bawah penyelia masing-masing.

2.3 Cukai Pendapatan/Visa/Pas Lawatan Ikhtisas/Personal Bond

- a) Penyelidik Pasca Doktorat Warganegara dan Bukan Warganegara dikenakan cukai pendapatan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b) Jabatan Bendahari bertanggungjawab dalam urusan membuat potongan cukai berjadual (PCB) pada setiap bulan;
- c) Kadar yang dikenakan oleh LHDN kepada Warganegara adalah berdasarkan jumlah elaun yang diterima setiap bulan dan bagi Bukan

Warganegara pula pada kadar 26% daripada saraan/elaun yang diterima setiap bulan;

- d) Penyelidik bertanggungjawab menyelesaikan bayaran cukai pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh 1 bulan sebelum tamat kontrak. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan kesulitan kepada Penyelidik Bukan Warganegara semasa ingin meninggalkan Malaysia;
- e) Jabatan Pendaftar bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal Imigresen termasuk melengkapkan borang *Personal Bond* dan Surat Akuan Penaja seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- f) Penyelidik Pasca Doktorat Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya atas segala bayaran yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan bayaran tunai sahaja diterima;
- g) Penyelidik Pasca Doktorat Bukan Warganegara hanya layak membuat tuntutan bayaran balik bagi Pas Lawatan Ikhtisas sahaja dengan mengemukakan resit asal kepada Bahagian Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari UKM.

3.0 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

3.1 Pelaksanaan Penyelidikan

- a) Penyelidik Pasca Doktorat yang dilantik dikehendaki menjalankan penyelidikan berdasarkan cadangan penyelidikan dan jadual pelaksanaan yang dipersetujui oleh penyelia;
- b) Tuntutan perjalanan bagi tujuan kerja lapangan yang diluluskan oleh Penyelia/Ketua Projek berdasarkan peraturan Universiti.

3.2 Pemantauan Laporan Prestasi Projek

- a) Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah menyediakan Laporan Kemajuan Penyelidikan selepas 6 bulan projek dijalankan. Laporan Kemajuan Penyelidikan dalam bentuk dokumen bertulis hendaklah dihantar melalui penyelia kepada Fakulti/Institut/Pusat dan CRIM;
- b) Laporan Kemajuan Penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tempoh pelanjutan, jika perlu;
- c) Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh 2 minggu sebelum tamat tempoh lantikan Penyelidik Pasca Doktorat.

3.3 Penilaian Pasca Doktorat (Kakitangan Akademik UKM)

- a) Pasca Doktorat akan dinilai berdasarkan jumlah penerbitan hasil dari penyelidikan untuk tujuan untuk disahkan dalam perkhidmatan.
- b) Pasca Doktorat yang tidak mencapai jumlah penerbitan hasil penyelidikan akan ditangguhkan pengesahan dalam perkhidmatannya.


4.0 PERMOHONAN PELANJUTAN PASCA DOKTORAL (BUKAN KAKITANGAN AKADEMIK UKM)

- 4.1 Penyelidik Pasca Doktorat perlu mengemukakan borang permohonan beserta hasil penerbitan sepanjang tempoh pelantikan Pasca Doktorat;
- 4.2 Permohonan pelanjutan hendaklah mendapat perakuan daripada Penyelia, disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut;
- 4.3 Permohonan pelanjutan tempoh Penyelidik Pasca Doktorat adalah berdasarkan penilaian prestasi penyelidik berkenaan termasuk Laporan Kemajuan Penyelidikan dan hasil penerbitan jurnal berimpak faktor.

5.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN PASCA DOKTORAL (BUKAN KAKITANGAN AKADEMIK UKM)

Penyelidik Pasca Doktorat/Penyelia bertanggungjawab memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan memberi notis bertulis dalam tempoh 30 hari sebelum menamatkan perkhidmatan atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.

**CARTA ALIR URUSAN PASCA DOKTORAL
(KAKITANGAN AKADEMIK UKM)**



LAMPIRAN 2

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL
(BUKAN KAKITANGAN AKADEMIK UKM)**

